

# Rancangan manusia hanya ilusi

HARI ini genaplah 30 tahun aku masuk dunia pekerjaan. Pada 1 Julai 1982, aku melangkah tangga pejabat Utusan Melayu di Jalan Chan Sow Lin, Kuala Lumpur untuk melaporkan diri sebagai pemberita am.

Aku diminta berjumpa dengan F.D. Mansor, pengurus kakitangan syarikat pada masa itu. Ketika itu belum ada lagi istilah sumber manusia. Kini manusia sudah menjadi salah satu sumber kekayaan sesebuah syarikat. Sementara FD Mansor kini seorang tokoh korporat yang berjaya dan terkenal dengan syarikat pemaju Glomac.

Setelah membuat pemeriksaan perubatan di sebuah klinik panel syarikat di bangunan Angkasa Raya, jalan Ampang, aku pun kembali ke pejabat. Kini bangunan Angkasa Raya yang terletak berseberang jalan dengan KLCC telah pun diruntuhkan untuk digantikan dengan bangunan lebih hebat. Aku tidak menjangka nama Angkasa Raya akan dikekalkan.

Tiga puluh tahun dahulu, KLCC tidak ada. Yang ada hanyalah lapangan lumba kuda di mana ia hanya penuh dengan orang ramai pada hari Ahad apabila ada perlumbaan kuda. Hendak tahu bila, tengoklah kalendar yang ada gambar kuda.

Sekembalinya ke pejabat aku diminta melaporkan diri kepada Khalid Mohd, ketua pemberita. Beliau akhirnya menjadi Ketua Pengarang Kumpulan Utusan dan sudah pun bersara,

Pada masa itu, Utusan baru mencantumkan meja berita *Utusan Melayu* dengan *Utusan Malaysia*. Akibat percantuman itu, berita di *Utusan Melayu* dan *Utusan Malaysia* sama saja.

Sedang aku duduk, tiba-tiba Timbalan Ketua Pengarang Kumpulan, Allahyarham Ali Salim yang dikenali dengan nama Jiro menegur aku.

“Mana kau pergi? Kami cari kau panggil kerja, tak jumpa kau”.

Masa itu mana ada telefon di kampung. Mereka hanya boleh menghubungi aku melalui telegram dan surat. Utusan pada masa itu kekurangan pemberita dan mahu aku bertugas segera sedangkan aku masih menjalani praktikal sebagai guru di Ipoh. Aku meminta izin guru besar untuk segera bekerja dengan Utusan.

Beberapa ketika sebelum itu aku menghadiri temuduga dan menjalani ujian karangan serta terjemahan.

Dalam ujian karangan itu soalan yang dikemukakan ialah: “Adakah penyertaan Anwar Ibrahim ke dalam UMNO menguntungkan atau merugikan?”

Aku tidak ingat apa aku tulis, tetapi yang pasti karangan aku disenangi oleh pihak penemuduga.

Pada masa itu Anwar baru menyertai UMNO. Aku masih ingat lagi betapa terkejutnya negara ketika Anwar diumumkan menyertai UMNO. Aku ingat aku simpan semua keratan akhbar yang menyiarkan berita itu.

Di kampus Universiti Pertanian Malaysia (UPM), tempat aku belajar, kain rentang besar dinaikkan di tepi pagar berbunyi: “Anwar pengkhianat perjuangan.”



**Untung Sabut Timbul**  
ZIN MAHMUD

## Mengharapkan

Kain rentang itu aku pasti dinaikkan oleh pelajar-pelajar Persatuan Mahasiswa Universiti Pertanian Malaysia (PMIUPM). Mereka mempunyai hubungan dengan Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) yang sebelum itu diketuai oleh Anwar. Dalam perbualan di kalangan pelajar, mereka amat marah dengan tindakan Anwar menyertai UMNO. Kebanyakan mereka mengharapkan Anwar menyertai dan seterusnya memimpin Pas.

Di kampus itu, parti pelajar yang bersaing ialah Gerakan Keadilan Pelajar (GKP) yang menyokong pembangkang dan Angkatan Mahasiswa Dinamik (AMD) pula memihak pada kerajaan.

Dalam pilihan raya umum tahun itu, Barisan Nasional pimpinan Dr Mahathir Mohamad menang besar. Buat pertama kali UMNO berjaya merampas Permatang Pauh daripada Pas melalui Anwar. Pas kalah teruk di seluruh negara.

Tetapi tugas pertama aku sebagai pemberita adalah membuat liputan dialog belanjawan. Aku mengikuti pemberita lebih kanan untuk belajar selok belok membuat liputan.

Aku pun pergi bersama pemberita kanan, Douglas Tay ke dialog belanjawan di bangunan Kementerian Kewangan. Pada masa itu Menteri Kewangan ialah Tengku Razaleigh Hamzah.

Para pemberita duduk di belakang bilik mesyuarat untuk mendengar dialog antara menteri dan wakil-wakil daripada pelbagai kumpulan masyarakat.

Tiba-tiba sebelum bermula, seorang pegawai bertanya: "Ada pemberita dari *Watan* di sini?" *Watan* adalah sebuah akhbar tabloid mingguan yang pada masa itu sering menyiarkan berita-berita dari pembangkang.

"Ya," kata pemberita *Watan* sambil berdiri. Pemberita itu diminta keluar meninggalkan bilik mesyuarat. Para pemberita yang lain terkejut. Mereka tidak senang dengan arahan itu. Kami semua berpakat untuk keluar sama.

Justeru itu, kami semua tidak dengar dialog itu. Kami hanya duduk di koridor di luar bilik mesyuarat. Selepas dialog itu, kami hanya dengar sidang akhbar menteri.

Dari tahun 1982 hingga 2012, tentulah banyak perkara berubah. Sekarang *Utusan Melayu* yang diterbitkan secara harian pun sudah tidak ada. Yang ada hanyalah sisipan *Utusan Melayu Mingguan* yang dilampirkan dalam akhbar *Utusan Malaysia* pada hari Isnin. Akhbar *Watan* pun sudah tidak ada.

Dr Mahathir sudah bersara sementara Tengku Razaleigh masih menjadi Ahli Parlimen. Anwar sudah menjadi Ketua Pembangkang.

Apabila melihat ke belakang, sebarang proses perubahan akan berlaku menurut keadaan persekitaran semula jadi. Manusia hanya menjadi bidak-bidak yang mengikut arus.

Ada kalanya manusia berasa mempunyai kekuatan atau kekuasaan untuk menentukan sesuatu perubahan. Tetapi banyak perkembangan adalah di luar daripada rancangan.

Segala apa yang berlaku pada tahun 2012 pasti tidak dijangkakan oleh semua orang yang ada pada tahun 1982. Tidak ada siapa yang menjangkakan Internet dan telefon pintar umpamanya.

Orang selalu kata: Manusia merancang, Tuhan menentukan. Tetapi hakikatnya, untuk merancang pun manusia tidak berupaya. Tuhan yang merancang dan menentukan. Manusia fikir mereka merancang. Tetapi ia suatu ilusi. Rancangan yang manusia lakukan ditentukan Tuhan. Manusia tidak ada apa-apa.

Segala kepandaian, dorongan dan tindakan dilihat seperti atas kehendak sendiri. Tetapi hakikatnya apa yang berlaku dalam otak manusia, kudrat otot-otot, bercampur dengan keadaan sekeliling serta perlakuan manusia-manusia lain, akhirnya melahirkan sesuatu keadaan tertentu.